

Pentadbiran Harta Pusaka dan Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut

(Estate Administration and The Negative Implications of Unclaimed Property)

Nur Fadlin Binti Roslan¹, Azlin Alisa Ahmad^{2*}

¹Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nurfadlinroslan@gmail.com

²Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: azlinalisa@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Azlin Alisa Ahmad

(azlinalisa@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pentadbiran harta pusaka

Implikasi

Seksyen Pembahagian Pusaka

Amanah Raya Berhad

Mahkamah Tinggi Sivil

KEYWORDS:

Administration of inheritance

Implications

Inheritance Division Section

Amanah Raya Berhad

Civil High Court

CITATION:

Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad.

(2022). Pentadbiran Harta Pusaka dan

Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut.

Malaysian Journal of Social Sciences and

Humanities (MJSSH), 7(4), e001453.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1453>

ABSTRAK

Pentadbiran harta pusaka dalam kalangan umat Islam merupakan perkara yang amat penting yang perlu difahami oleh semua pihak khususnya masyarakat Islam itu sendiri. Namun, masyarakat didapati masih kurang kefahaman mengenai konsep pentadbiran harta pusaka di Malaysia sehingga terjadinya penangguhan pembahagian sehingga bertahun-tahun. Justeru, persoalan yang timbul ialah apakah konsep pentadbiran harta pusaka di Malaysia dan implikasi negatif sekiranya harta pusaka tidak dituntut. Objektif kajian ini ialah mengkaji konsep pentadbiran harta pusaka di Malaysia dan implikasi negatif sekiranya harta pusaka tidak dituntut. Metodologi kajian yang digunakan ialah metod analisis kandungan yang bertujuan mencari dan mengumpulkan fakta-fakta bagi menghuraikan konsep berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka di Malaysia dan implikasi negatif yang berpunca daripada harta yang tidak dituntut. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga agensi utama yang berfungsi dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia iaitu Seksyen Pembahagian Pusaka, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Tinggi Sivil. Bidang kuasa ketiga-tiga agensi ini berbeza bergantung kepada jenis harta sama ada harta pusaka kecil, harta pusaka besar atau harta pusaka ringkas. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat implikasi negatif sekiranya harta pusaka tidak dituntut dari sudut ekonomi, keluarga dan perundangan. Kajian ini dapat memberi manfaat bagi segenap masyarakat umat Islam serta pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam harta pusaka ini untuk lebih cakna dalam proses atau perkara-perkara yang melibatkan harta pusaka terutamanya. Kajian ini mampu membantu masyarakat untuk memperoleh ilmu baru dan mendidik pemikiran yang matang untuk menghindarkan salah faham dan pertelingkahan dalam kalangan ahli waris.

ABSTRACT

The administration of inheritance among Muslims is a very important matter that needs to be understood by all parties, especially the Muslim community itself. However, the community still lacks understanding of the concept of estate administration in Malaysia so that there is a delay in the division for many years. Thus, the question arises is what is the concept of estate administration in Malaysia and the negative implications if the estate is not claimed? The objective of this study is to examine the concept of estate administration in Malaysia and the negative implications if the estate is not claimed. This study employs content analysis method that aims to find and collect facts to describe the concepts related to the administration of estate in Malaysia and the negative implications arising from unclaimed property. The results show that there are three main agencies that function in the administration of estate in Malaysia, namely the Inheritance Division Section, Amanah Raya Berhad and Civil High Court. The jurisdiction of these three agencies differs depending on the type of property whether it is a small estate, a large estate or a simple estate. The results also show that there are negative implications if the estate is not claimed from an economic, family and legal point of view. This study can be beneficial for the entire Muslim community as well as the parties responsible for this estate to be more careful in the process or matters involving the estate in particular. This study is able to help the community to acquire new knowledge and educate mature thinking to avoid misunderstandings and disputes among the heirs.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai kepentingan menuntut harta pusaka serta memberikan ilmu tentang proses permohonan pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Kajian ini memberi pendedahan berkenaan agensi yang ada di Malaysia dan implikasi negatif harta beku dalam pelbagai aspek seperti undang-undang, ekonomi dan sosial.

1. Pengenalan

Seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini, masalah harta pusaka juga semakin meningkat saban tahun berikutan pelbagai isu yang dilalui sepanjang proses penyelesaian dan pengurusan harta pusaka. Di Malaysia, terdapat tiga agensi yang memainkan peranan penting dalam mengurus tadbir harta pusaka iaitu Seksyen Pembahagian Pusaka, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Tinggi Sivil. Pentadbiran pusaka yang teliti dapat memastikan waris yang masih hidup mewarisi harta si mati.

Pentadbiran harta juga penting untuk mengelakkan berlakunya masalah-masalah yang akan datang. Buktinya, kewujudan harta-harta yang belum dituntut di institusi kewangan dan pengamanahan yang terdiri daripada harta alih dan tak alih telah memberikan suatu impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi negara. Seharusnya harta-harta tersebut perlu dikembangkan biakan dan tidak dibiarkan terus tersimpan tanpa dikendalikan sehingga menjadi beku. Hal ini kerana pembekuan harta

adalah bertentangan dengan ruh Maqasid Shariah yang menganjurkan akan agar ia ditadbir dengan baik demi kemaslahatan ummah (Mohd Arafat 2017).

Menyedari terhadap senario yang berlaku, masalahnya adalah masih ramai ahli waris yang tidak menuntut harta pusaka selepas kematian ahli keluarga yang menyebabkan harta pusaka menjadi beku kesan daripada kekeliruan masyarakat mengenai bidang kuasa dan peranan bagi setiap agensi di Malaysia. Justeru, pendedahan dengan lebih terperinci perlu dilakukan untuk umat Islam lebih memahami, mengetahui dan mendalami konsep pentadbiran harta pusaka di Malaysia dan implikasi negatif sekiranya tidak menuntutnya. Melalui pendedahan ini juga, umat Islam dapat mencari jalan keluar untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku di samping mengelakkan harta beku daripada meningkat setiap tahun.

2. Sorotan Literatur

2.1. Isu Harta Pusaka

Isu harta pusaka tidak dituntut oleh waris-waris di agensi yang menguruskan pentadbirannya telah menjadi topik perbincangan yang hangat disebabkan jumlahnya yang semakin meningkat saban tahun. Harta beku ialah harta seseorang yang masih tertahan daripada sebarang transaksi mahupun urusan pengagihan kepada waris selepas kematian pemilik harta sebelum proses pentadbiran sempurna diproses. Harta beku ialah isu yang sedang dihadapi dalam negara kita, dan keadaannya dilihat semakin buruk (Siti Shamsiah, 2020). Mohd Zamro (2016) menyatakan bahawa faktor utama berlakunya masalah harta pusaka yang tidak dituntut atau beku ini adalah sikap waris-waris seperti berlaku pertelagahan dalam kalangan waris, kejahilan undang-undang mengenai pembahagian harta pusaka, tidak memahami hukum faraid dan sebagainya. Di samping faktor waris, masalah perundangan dan prosedur tuntutan juga menyumbang kepada berlakunya kelewatan pembahagian harta pusaka.

2.2. Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia

Sukriah (2006) mendapati bahawa bidang kuasa pentadbiran harta pusaka terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Negeri sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Namun begitu, undang-undang yang dipakai dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam dan bukan Islam di negara ini ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Menurut Resali (2016) secara umumnya, terdapat tiga badan pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa untuk mentadbirkan harta pusaka si mati selari dengan tiga jenis Harta Pusaka yang dinyatakan di atas iaitu Mahkamah Tinggi Sivil, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil dan juga Amanah Raya Berhad. Setiap agensi ini bertanggungjawab mentadbir harta pusaka mengikut nilai dan jenis harta pusaka tersebut sama ada ianya harta pusaka kecil, harta pusaka ringkas atau harta pusaka besar. Oleh itu, pentingnya pentadbiran pusaka ini untuk diteliti bagi memastikan waris yang masih hidup mewarisi harta si mati. Hal ini kerana sekiranya tidak ditadbir dengan baik, pengagihan pusaka akan menjadi satu urusan yang rumit dan memberikan tekanan serta mencetuskan kebimbangan waris.

Banyak kajian mengenai faktor-faktor kelewatan pembahagian harta pusaka yang telah dilakukan. [Wan Suraya \(2016\)](#) mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti yang menyumbang kepada masalah harta pusaka beku di Malaysia. Antara faktor-faktor tersebut adalah faktor sikap pemilik harta, faktor waris dan faktor perundangan. [Rusnadewi dan Nur Inayah \(2010\)](#) pula menyatakan bahawa fenomena kegagalan penyelesaian harta pusaka yang berlaku ini antaranya berpunca daripada sikap kejahilan waris, masyarakat kurang kefahaman terhadap konsep sebenar pewarisan harta secara faraid, kewujudan pelbagai bidang kuasa dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia yang boleh mengelirukan masyarakat, kelewatan proses dalam pengurusan harta pusaka dan kelemahan sistem pentadbiran harta pusaka.

Kebanyakan faktor kelewatan menunjukkan bahawa ianya berpunca daripada ketidakfahaman ahli waris mengenai pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Jadi, di sini ianya merupakan satu keperluan untuk menerangkan mengenai perkara yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka di Malaysia memandangkan tidak banyak kajian yang dilakukan berkenaan skop pentadbiran dan undang-undang harta pusaka.

2.3. Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut

Menurut [Mohamad Ali \(2020\)](#), ketika ini dianggarkan sejumlah RM70 bilion nilai harta pusaka yang majoritinya milik orang Islam tidak diuruskan dan dituntut oleh ahli waris, yang juga dikenali sebagai harta pusaka beku. Harta pusaka beku ialah harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati tetapi tidak uruskan pembahagiannya dalam kalangan ahli waris dengan kaedah dan cara yang dibenarkan oleh syarak.

Harta berkenaan telah terbiar dan tidak dapat diuruskan dengan sempurna oleh ahli waris yang berhak. Ini akan menyebabkan harta ini tidak dapat digunakan dengan cara yang bermanfaat untuk membantu menjana ekonomi para ahli waris. Harta pusaka yang ditinggalkan akan dibiarkan begitu sahaja. Tiada siapa yang bertanggungjawab untuk mengurus atau menjaganya. Akibat dari itu maka timbullah pelbagai kesan yang negatif kepada pihak-pihak yang terlibat terutamanya dalam kalangan ahli waris. Harta beku berlawanan dengan tujuan hukum faraid itu sendiri yang bertunjangkan kepada konsep peredaran harta dan keadilan dalam agihan kekayaan laksana falsafah pensyariaan hukum zakat. Pembekuan harta dan kelewatan waris dalam mencairkan harta pusaka juga boleh menyebabkan tanggungjawab simati yang belum dilunaskan seperti hutang tidak dapat disempurnakan. Maka ianya sesuatu yang amat menyedihkan apabila roh simati akan tergantung disebabkan hutangnya sehinggalah hutang itu dilangsaikan oleh warisnya. (*Mahfum Hadith riwayat At-Tirmizi*). Hal yang sama juga jika si mati yang masih lagi mempunyai hutang zakat yang perlu ditunaikan atau ada hasrat simati untuk mewaqafkan atau memperuntukkan sebahagian hartanya untuk sedekah. Kesemuanya akan tertangguh sehinggalah harta simati tadi dicairkan dan diuruskan pembahagian kepada waris-waris.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menguji kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada fenomena yang berlaku dalam masyarakat ([Ahmad Sunawari, 2014](#)). Ia adalah bertetapan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu berkaitan dengan fenomena harta beku di Malaysia. Pendekatan kualitatif amat sesuai diaplikasikan untuk kajian ini kerana data yang dikumpulkan bukanlah dalam bentuk

angka, statistik atau lain-lain pengiraan (Othman, 2012), tetapi ia adalah berbentuk teks, video, jurnal dan sebagainya.

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara atau pelan tindakan yang dirangka bagi menunjukkan satu proses kajian yang dijalankan. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai panduan dalam urusan memungut dan menganalisis data serta menyimpulkan hasil dari kajian tersebut (Sabitha, 2006). Bagi mencapai objektif kajian yang telah dirangka, pengkaji menggunakan reka bentuk analisis kandungan seperti buku, artikel dan seumpamanya sebagai reka bentuk kajian.

Metod pengumpulan data adalah dengan menganalisis kandungan dalam mendapatkan maklumat terperinci yang bersesuaian dengan objektif kajian. Aplikasi metod ini adalah penting dalam mencari dan mengumpulkan fakta-fakta bagi menghuraikan konsep berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Oleh itu, metod ini sangat penting dalam pengkajian ini kerana salah satu cara untuk mendapatkan data bagi kajian ini adalah dengan menganalisis teks daripada sumber primer dan sekunder. Sedikit sebanyak maklumat juga telah diperolehi melalui sumber sekunder iaitu daripada menganalisis hasil penulisan pengkaji-pengkaji terdahulu serta kajian yang dilakukan oleh ahli akademik mengenai skop kajian pengkaji iaitu dengan memfokuskan skop berkaitan dengan harta benua. Bahan-bahan seperti buku-buku ilmiah serta jurnal-jurnal yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu tentang skop kajian akan dianalisis. Buku-buku tempatan dan beberapa dokumen yang tidak diterbitkan dalam bentuk buku seperti kertas kerja serta dokumen lain yang berformat PDF serta laman sesawang yang dilabel mempunyai kesahan yang tepat dan berautoriti juga dirujuk dalam mencapai objektif kajian ini.

4. Hasil Kajian

4.1. Konsep Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia

Pentadbiran harta pusaka bermaksud proses mengurus tadbir harta dan menuntut harta oleh ahli waris selepas kematian seseorang. Dengan kata lain, pentadbiran harta pusaka adalah proses penentuan hak dan pemindahan hak milik semua pemilikan dan aset secara sah selepas kematian seseorang. Menulis surat wasiat juga dikategorikan sebagai pentadbiran pusaka. Hal ini kerana ianya sebagai menyediakan kerangka untuk mengenal pasti permintaan seseorang individu dalam isu harta pusaka selepas kematian. Begitu juga dengan pengurusan hal-hal aset dan hutang selepas kematian juga adalah pentadbiran harta pusaka kerana merangkumi proses pengurusan hak dan proses undang-undang untuk membahagikan aset-aset duniawi sesama waris ("Geran Probet", 2020).

Di Malaysia, perkara berkaitan dengan pusaka bagi orang-orang Islam termasuk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri-negeri sepertimana peruntukan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu Senarai 2 (1)- Senarai Negeri. Manakala pentadbiran harta pusaka berwasiat dan tak berwasiat merupakan satu cabang kehakiman yang disenaraikan sebagai tugas Persekutuan mengikut Butiran 4 (e) (ii), Senarai 1, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu: "4. Undang-undang dan acara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan termasuk: (e)Tertakluk kepada perenggan (ii), Perkara-perkara yang berikut:

- i.pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat mentadbir pusaka.....

- ii. Perkara-perkara yang tersebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berhubung dengan perkahwinan, penceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat.”

Pentadbiran harta pusaka adalah berkait rapat dengan agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta pusaka di Malaysia ini. Antara agensi-agensi yang terlibat adalah Pejabat Pusaka Kecil, Mahkamah Tinggi Sivil dan Amanah Raya Berhad di mana masing-masing berbeza bidang kuasa dan peranannya di samping berbagai undang-undang bertulis serta prosedur yang berbeza. Perbezaan ini juga dapat dilihat melalui aspek peruntukan undang-undang di mana terdapat beberapa undang-undang berkaitan dengan pengurusan harta pusaka iaitu [Akta Harta Pusaka Kecil \(Pembahagian\) 1955 \(Akta 98\)](#), [Akta Probet dan Pentadbiran 1959 \(Akta 97\)](#) dan [Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 \(Akta 532\)](#). Hal ini disebabkan oleh tanggungjawab setiap agensi ini dibezakan dengan jenis harta pusaka yang terlibat dan bidang kuasa perundangan diguna pakai bergantung kepada keadaan fizikal atau jenis harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati.

4.2. Seksyen Pembahagian Pusaka (Pejabat Pusaka Kecil)

Seksyen Pembahagian Pusaka merupakan satu agensi yang penting dalam urus tadbir harta pusaka di Malaysia yang berada di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Agensi ini diwujudkan adalah bertujuan untuk memberi khidmat kepada masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam dalam hal pembahagian harta pusaka. Ia memperoleh kuasa untuk mentadbir harta pusaka si mati terutamanya harta pusaka kecil melalui statut khusus iaitu [Akta Harta Pusaka Kecil \(Pembahagian\) 1995 \(Akta 98\)](#). Seksyen ini mempunyai tatacara atau prosedur tersendiri dalam mentadbir harta pusaka si mati tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan. Seksyen atau Unit Pembahagian Harta Pusaka ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaraskan tugas penyelesaian tuntutan pembahagian harta pusaka dan mempercepatkan proses penurunan milik. Seksyen ini juga membantu kerajaan-kerajaan negeri menguruskan urusan pendaftaran semula pemilikan sesuatu bidang tanah selepas pemilik asalnya meninggal dunia dengan sistematik dan cepat. Selain itu, Seksyen ini dibangunkan untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri mengelakkan daripada berlakunya pemecahan tanah yang keterlaluan. Waris-waris yang beragama Islam boleh dipaksa menerima pakatan mengenai tanah pusaka iaitu dengan cara sebahagian daripada mereka mesti bersedia untuk mengambil bahagian dalam tanah pusaka itu dengan menerima gentian dalam bentuk wang atau harga tanah tersebut dalam peruntukan pindaan tahun 1988 ([Mohd Zamro, 2016](#)).

Fungsi utama Seksyen Pembahagian Pusaka adalah menguruskan semua permohonan pembahagian harta pusaka kecil di samping fungsi-fungsi lain yang berkait dengan urusan permohonan, perbicaraan, rayuan dan sebagainya dalam skop harta pusaka kecil.

Harta pusaka kecil bermaksud harta yang ditinggalkan oleh si mati yang bukan Islam tanpa wasiat yang terdiri daripada harta tak alih sahaja atau campuran antara harta tak alih dan harta alih atau kesemuanya yang jumlah nilainya tidak melebihi RM 2 juta pada tarikh permohonan dilakukan. Menurut Seksyen 3(2), [Akta Harta Pusaka Kecil \(Pembahagian\) 1955](#):

Bagi maksud-maksud Akta ini, suatu harta pusaka kecil ertinya suatu harta pusaka si mati yang mengandungi keseluruhan atau sebahagiannya harta tak alih yang terletak dalam mana-mana negeri dan tidak melebihi dua juta ringgit dalam jumlah nilai tersebut. Definisi di atas jelas menyatakan bahawa harta pusaka kecil mempunyai tiga ciri berikut iaitu:

- i. Harta yang ditinggalkan oleh si mati tanpa meninggalkan wasiat (bagi si mati bukan Islam).
- ii. Harta terdiri daripada harta tak alih (tanah atau rumah) ataupun campuran harta tak alih bersama dengan harta alih seperti wang tunai, saham, kenderaan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tanpa penama atau insurans atau takaful tanpa penama, Amanah Saham Nasional (ASN) atau Amanah Saham Bumiputra (ASB) dan sebagainya.
- iii. Kesemua nilai harta tersebut berjumlah tidak melebihi RM 2 juta pada tarikh permohonan dibuat.

4.3. Amanah Raya Berhad

Amanah Raya Berhad adalah satu lagi agensi yang berkuasa menguruskan pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Amanah Raya Berhad adalah bekas agensi kerajaan yang kini beroperasi sebagai salah satu syarikat milik kerajaan diswastakan di bawah [Akta Perbadanan Amanah Raya \(1995\)](#) (Muhammad Amrullah et al., 2017). Sebelum dikorporatkan, ianya dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka yang telah ditubuhkan sejak tahun 1921.

Amanah Raya Berhad diberi kuasa dalam pentadbiran harta pusaka di bawah peruntukan undang-undang [Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 \(Akta 532\)](#). Terdapat lima fungsi Amanah Raya Berhad iaitu mewakili waris di Mahkamah dan menguruskan harta pusaka si waris, meneliti senarai harta, liabiliti di samping mengenal pasti pemiutang dan penghutang si mati, melunaskan segala hutang si mati kepada pihak-pihak yang berkaitan, mengeluarkan surat kuasa dan mengagihkan harta pusaka berdasarkan hukum faraid bagi yang beragama Islam dan Akta Pembahagian 1958 bagi yang bukan beragama Islam.

Permohonan untuk mendapatkan perintah pentadbiran harta pusaka ringkas boleh dilakukan di Amanah Raya Berhad. Pentadbirannya adalah tertakluk di bawah [Akta Perbadanan Amanah Raya 1995](#).

Harta Pusaka Ringkas ialah harta pusaka yang ditinggalkan si mati tanpa wasiat di mana jumlah nilainya tidak melebihi RM 600,000.00 dan terdiri daripada harta alih sahaja. Harta alih adalah seperti wang tunai, saham, wang KWSP dan lain-lain seperti yang diterangkan dalam definisi Harta Pusaka Kecil.

ARB dibenarkan mentadbir harta pusaka yang mempunyai harta alih sahaja bernilai tidak melebihi RM 600,000.00 di bawah Seksyen 17, [Akta Perbadanan Amanah Raya 1995](#) tanpa Surat Kuasa Mentadbir daripada Mahkamah Tinggi atau Pejabat Pentadbir Tanah Daerah. Ini boleh dijalankan sekiranya tiada permohonan yang dilakukan oleh pihak lain. Waris-warisan atau sesiapa sahaja yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka si mati yang terdiri daripada harta alih tidak melebihi RM 600,000.00 sahaja yang boleh mengemukakan permohonan kepada ARB untuk mentadbir harta pusaka

tersebut tanpa melantik mana-mana waris untuk menjadi pemegang kuasa ([Muhammad Hazim et al., 2018](#)).

4.4. Mahkamah Tinggi Sivil

Bidang kuasa dan kuasa adalah berbeza bagi setiap mahkamah. Bagi urusan harta pusaka, Mahkamah Tinggi Sivil juga merupakan salah satu agensi yang memainkan peranan penting dalam menguruskan pentadbiran harta pusaka di Malaysia dan ia mempunyai bidang kuasa yang paling luas dalam urusan pusaka berbanding Amanah Raya Berhad dan Seksyen Pembahagian Pusaka.

Menurut [Muhammad Amrullah dan Wan Noraini \(2018\)](#), pemberian surat representasi adalah salah satu kuasa mahkamah, walaupun kuasa untuk mendengar kes, yang berkaitan dengan hal pewarisan. Peringkat ini memberi tumpuan kepada bidang kuasa mahkamah tinggi dalam memberikan surat representasi, yang terdiri daripada dua jenis, iaitu pemberian probet dan surat pentadbiran. Pemberian probet ialah 'pemberian di bawah meterai mahkamah yang memberi kuasa kepada wasi atau wasi yang dinamakan di dalamnya untuk mentadbir harta pusaka wasiat'. Ia diberikan atas permohonan oleh wasi atau wasi dalam kes, di mana si mati meninggal dunia dengan meninggalkan wasiat yang sah. Pemberian Probet adalah instrumen utama yang diperlukan dalam membuka kunci aset si mati dalam kes wasiat. Surat pentadbiran pula ialah pemberian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi atas permohonan selepas kematian seseorang orang yang tidak berwasiat memberi kuasa kepadanya untuk membahagikan harta pusaka mengikut undang-undang.

Dalam kes tadbir harta pusaka di Mahkamah Tinggi, ianya tertakluk di bawah peruntukan undang-undang [Akta Probet dan Pentadbiran 1959 \(Akta 97\)](#). Akta ini diguna pakai dalam jenis harta pusaka besar. Permohonan untuk mendapatkan surat kuasa probet dan surat kuasa tadbir boleh dikemukakan di Mahkamah Tinggi Sivil. Menurut peruntukan dalam akta ini, terdapat tiga jenis surat kuasa wasiat dan surat kuasa tadbir iaitu surat kuasa wasiat (probet) apabila si mati meninggalkan wasiat yang meliputi semua hartanya bagi si mati yang bukan beragama Islam. Kedua, surat kuasa tadbir bagi harta pusaka tanpa wasiat dan ketiga surat kuasa tadbir dengan wasiat berkembar apabila si mati meninggalkan wasiat untuk sebahagian harta sahaja manakala sebahagian harta peninggalannya yang lain ditinggalkan tanpa wasiat.

Harta pusaka besar ialah harta pusaka yang jumlah nilai harta peninggalan si mati melebihi RM 2 juta yang kesemuanya terdiri daripada harta tak alih atau kesemuanya harta alih yang bernilai lebih RM 600,000 atau campuran harta alih dengan harta tak alih yang jumlah nilainya lebih daripada RM 2 juta atau dengan wasiat bagi si mati bukan Islam walaupun nilai kesemuanya kurang daripada RM 2 juta ([Akta Probet dan Pentadbiran 1959 Akta 97](#)).

Jadi berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa harta pusaka besar boleh dikategorikan seperti berikut:

- i. Harta tak alih sahaja bernilai lebih RM 2 juta kesemuanya.
- ii. Harta alih sahaja yang bernilai lebih RM 600,000 kesemuanya.
- iii. Campuran harta alih dan harta tak alih bernilai lebih RM 2 juta kesemuanya.
- iv. Dengan wasiat walaupun nilai kesemuanya kurang daripada RM 2 juta bagi bukan Islam.

4.5. Harta Pusaka Yang Tidak Dituntut/ Harta Beku

Harta beku ialah harta seseorang yang masih tertahan daripada sebarang transaksi mahupun urusan pengagihan kepada waris selepas kematian pemilik harta sebelum proses pentadbiran sempurna diproses. Harta beku ialah isu yang sedang dihadapi dalam negara kita, dan keadaannya dilihat semakin buruk ([Siti Shamsiah, 2020](#)). Harta pusaka yang tidak dituntut atau harta 'pusaka beku' sudah sekian lama menjadi masalah kepada masyarakat dan ianya menjadi semakin kronik sejak akhir-akhir ini ekoran jumlah kes yang semakin meningkat pada setiap tahun. Isu harta yang tidak dituntut ini bukan lagi boleh dianggap sebagai isu peribadi atau perseorangan bahkan ianya boleh dianggap sebagai isu negara. Peningkatan jumlah harta atau aset yang tidak dituntut saban tahun amatlah membimbangkan.

[Jadual 1](#) menunjukkan statistik jumlah nilai aset beku atau harta yang tidak dituntut di Malaysia bermula daripada tahun 2009 sehingga tahun 2014. Pada tahun 2009, nilai aset beku yang terkumpul ialah sebanyak RM 40 bilion manakala pada tahun 2010 ianya meningkat kepada RM 41 bilion. Statistik ini menunjukkan trend peningkatan lagi pada tahun 2011 dan 2012 yang mencatat jumlah nilai aset beku sebanyak RM 42 bilion dan RM 52 bilion. Pada tahun 2013, anggaran jumlah nilai aset yang tidak dituntut di Malaysia adalah sebanyak RM 60 bilion dan RM 66.6 bilion direkodkan pada tahun 2014.

Jadual 1: Statistik jumlah Nilai Aset Beku atau Harta yang tidak dituntut di Malaysia, bermula tahun 2009 hingga 2014

Bil	Tahun	Anggaran Jumlah Nilai Aset Beku/ Tidak Dituntut di Malaysia
1.	2009	RM 40 bilion
2.	2010	RM 41 bilion
3.	2011	RM 42 bilion
4.	2012	RM 52 bilion
5.	2013	RM 60 bilion
6.	2014	RM 66.6 bilion

Sumber: [Fazira, Wan Zahari dan Al-Edrus \(2014\)](#)

Menurut laporan statistik pada tahun 2020, dianggarkan kira-kira RM70 bilion jumlah harta beku dan tidak dituntut di negara ini melibatkan 90 peratus daripadanya milik orang Melayu yang semakin meningkat saban tahun ([Ekhwan Haque, 2020](#)). Jumlah sebesar ini jika sekiranya dapat dicairkan pastinya dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Namun kegagalan melakukan tindakan segera pastinya akan menambahkan lagi permasalahan dan sekaligus akan menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara ([Nik Rahim et al., 2018](#)).

4.6. Implikasi Harta Yang Tidak Dituntut

Harta pusaka yang tidak dituntut oleh ahli waris dan kelewatan pengagihan harta pusaka akan memberikan implikasi negatif sama ada dari aspek ekonomi, hubungan kekeluargaan dan perundangan. Antara implikasi tersebut ialah:

4.6.1. Status Pemilikan dan Undang-Undang: Pemilikan Tanpa Hak

Faktor utama harta tidak dituntut adalah disebabkan kurangnya pengetahuan ahli waris mengenai ilmu faraid dan prosedur permohonan pentadbiran harta pusaka di Malaysia.

Kebanyakan daripada mereka akan memilih untuk berdiam diri dan tidak mengambil apa-apa tindakan. Perkara ini juga berpunca daripada pelbagai bidang kuasa yang wujud yang menyebabkan mereka keliru untuk memulakan permohonan tersebut.

Disebabkan inilah, sebahagian daripada mereka mengambil keputusan untuk melantik anak lelaki sulung sebagai pentadbir dan kadangkala pentadbir merangkap abang sulung tersebut mengambil kesempatan untuk membahagikan harta pusaka sesuka hati tanpa ilmu yang mencukupi. Situasi ini boleh menjadi semakin teruk sekiranya pentadbir tersebut mengisytiharkan dirinya bahawa dia berhak ke atas semua harta pusaka si mati selagi belum dilakukan pembahagian. Pemilikan atau pembahagian sebegini boleh menyebabkan seseorang memakan harta secara salah. Terdapat satu kes di mana seorang kakak telah membolot tanah pusaka lebih 20 tahun. Hal ini kerana setelah 20 tahun arwah ibu mereka meninggal dunia, harta pusaka itu masih tidak diagihkan mengikut faraid kepada anak-anak yang berhak. Malah, semua harta peninggalan berada dalam genggamannya sedangkan beliau mempunyai tiga adik lelaki. Dalam kisah ini, dapat kita lihat pemegang amanah iaitu seorang kakak tidak menjalankan tanggungjawabnya untuk mengagihkan harta pusaka sehinggakan status, kedudukan dan jumlah harta yang ditinggalkan tidak diketahui.

Pentadbir harta tidak mempunyai hak pemilikan atau kepentingan terhadap harta yang ditadbirnya melainkan beliau adalah salah seorang waris yang menerima harta si mati tersebut. Walau bagaimanapun, beliau tidak berhak dan tidak mempunyai kuasa untuk menjual atau memindah milikan harta tersebut kepada mana-mana pihak selain daripada waris yang sah yang berhak menerima harta tersebut melainkan terdapat suatu perintah daripada agensi pentadbiran harta pusaka seperti Seksyen Pembahagian Pusaka, Amanah Raya Berhad atau Mahkamah Tinggi Sivil. Buktinya, apabila berlaku kematian semua harta alih dan tidak alihnya termasuklah semua akaun simpanan si mati akan dibekukan oleh undang-undang di bawah Akta Probat dan Pentadbiran 1959 (Disemak 1972). Tujuan pembekuan ini adalah untuk membenarkan proses undang-undang berjalan seperti untuk menyelesaikan semua hutang piutang si mati jika ada dan proses pembahagian harta pusaka itu sendiri. Ini kerana selagi tanah itu belum dibuat pembahagian mengikut undang-undang, kebanyakan waris tidak mengetahui siapa antara mereka yang berhak mewarisi dan berapa bahagian yang mereka warisi.

Akan tetapi, ada sesetengah individu yang dilantik sebagai pemegang amanah mengambil kesempatan dengan membolot semua harta yang pada hakikatnya bukan kesemua harta tersebut adalah miliknya. Perkara ini berpunca daripada kurang pengetahuan atau jahil tentang pembahagian faraid yang telah ditetapkan oleh hukum syarak bagi setiap ahli waris yang berhak. Oleh itu, pentingnya di sini untuk kita faham tentang hukum faraid dan sifat amanah dalam diri. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Terdapat tiga tanda munafik iaitu apabila dia berkata, dia menipu, apabila berjanji tidak menepati dan apabila diberi amanah, dia khianat.”

Kesimpulannya, sekiranya kita tidak tahu tentang ilmu faraid, seeloknya pentadbir atau ahli waris mengemukakan permohonan sijil faraid di Mahkamah Syariah untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah seperti ini. Kita perlu tahu bahawa harta pusaka tidak boleh dibahagikan secara sesuka hati kerana walau apa pun pembahagian perlu dijalankan mengikut faraid ataupun secara muafakat dengan persetujuan ahli waris yang lain.

4.6.2. *Ekonomi: Tanah terbiar dan harta tidak terurus*

Kegagalan dan kelewatan pembahagian harta pusaka juga boleh memberi implikasi negatif dari aspek ekonomi negara. Hal ini kerana kelewatan menyelesaikan harta pusaka telah menyebabkan sebahagian besar tanah-tanah pertanian yang boleh memberikan pulangan yang lumayan terbiar begitu sahaja tanpa terurus. Sebahagian besar tanah ini membabitkan harta pusaka terbiar dan banyak penama dalam geran dan kebanyakan isu tanah pusaka terbiar ini berlaku kerana terlalu banyak penama di dalam geran. Situasi tersebut berlaku akibat kegagalan waris si mati menguruskan urusan pusaka tanah geran kongsi pemilikan bersama yang ditinggalkan si mati dengan segera di samping tiada waris yang sanggup untuk mengambil langkah menguruskannya kerana ketiadaan wasiat si mati yang mengarahkan untuk melantik seorang pentadbir bagi menguruskan harta pusaka selepas kematiannya.

Terdapat juga situasi di mana ahli waris sendiri tidak maklum berkenaan harta pusaka si mati sehinggakan tanah pusaka tersebut melepasi beberapa generasi tetapi tanah tersebut masih lagi berada di atas nama si mati. Oleh sebab tidak mengetahui siapa yang sepatutnya bertanggungjawab dalam hal tersebut, cukai tanah tidak berbayar, kawasan tanah menjadi semak samun dan sebagainya. Ini amat merugikan waris-waris kerana tidak dapat memanfaatkan harta peninggalan orang tua mereka.

Sebagai contoh di Muar terdapat sekurang-kurangnya 20 hak milik tanah pusaka membabitkan kawasan seluas kira-kira 30 hektar di sekitar Kampung Parit Raja, Gersik belum dilakukan proses penyelesaian pusaka oleh waris yang berhak. Perkara ini dianggap serius kerana pengabaian dan kelewatan menyelesaikan pembahagian harta pusaka itu mengakibatkan sebahagian besar tanah pertanian di kampung berkenaan kini terbiar dan menjadi sarang haiwan liar termasuk monyet dan babi hutan. Selain daripada itu, tanah-tanah yang mempunyai nilai komersial yang tinggi juga tidak dapat dimajukan oleh kerana masalah kegagalan pengagihan pusaka seperti yang dapat kita perhatikan di kawasan-kawasan seperti Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Baru, Kampung Datuk Keramat, Kampung Batu Muda, Kampung Pandan, Kampung Kerinchi, Sungai Penchala dan Ulu Klang. Kampung Baru, misalnya, yang merupakan Tanah Rizab Melayu seluas 100 hektar yang terletak di kawasan 'Segi Tiga Emas' dan dimiliki kira-kira 2,600 orang Melayu adalah hartanah kepunyaan orang Melayu yang terbesar dan termahal di negara ini. Perkampungan di tengah ibu kota ini masih lagi ketinggalan, mundur dari segi pembangunan, sesak, tidak teratur dan tidak dapat dimajukan disebabkan sebahagian besarnya kerana masalah tuntutan bertindih.

Kesannya, tanah tersebut tidak dapat ditadbir, dibangunkan dan diurusniagakan yang boleh menjejaskan ekonomi negara. Hal ini berikutan daripada kegagalan untuk mendapatkan hak milik ke atas sesebuah tanah yang dipusakai kerana hak milik masih lagi didaftarkan di bawah nama si mati. Sebagai natijahnya, ini akan mengakibatkan tanah tersebut tidak dapat digadai atau dicagarkan kepada pihak bank seterusnya menafikan kemudahan kredit yang mungkin dapat diperolehi bagi kegunaan sebagai modal membangunkan sesebuah tanah. Selain daripada itu, pembangunan kekal atau jangka panjang juga tidak dapat dilakukan memandangkan tiada kesahihan dalam pemilikan tanah. Melihat kepada perspektif pembangunan tanah yang telah selesai diturunkan hak milik kepada waris pula, wujud masalah dari sudut pembangunan yang ingin dilakukan kerana pembahagian secara faraid kebiasaannya akan mengakibatkan kepada pemecahan hak milik yang kecil. Kesukaran timbul berikutan faktor keperluan kepada persetujuan kesemua waris dalam pembangunan atau urus niaga yang

dirancang terhadap sesebuah tanah kerana terdapat kemungkinan waris-waris di dalam hak milik yang sama tidak memberi kata sepakat. Perkara ini akhirnya menyukarkan serta menjejaskan usaha pembangunan tanah dibuat (Rusnadewi & Nur Inayah, 2010).

Hakikatnya, pembangunan tanah dapat memberi pelbagai manfaat sama ada kepada negara mahupun masyarakat. Di samping negara dapat menjana pendapatan daripada hasil tanah yang dibangunkan, ianya juga mampu membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat sekiranya tanah itu dibangunkan bertujuan untuk pertanian. Hal ini kerana membiarkan tanah terus terbiar merugikan manusia di dunia dan ganjaran di akhirat. Di dalam suasana negara yang menghadapi keruncingan ekonomi akibat pandemik Covid-19, menghidupkan tanah terbiar dapat menyumbang kepada penjana ekonomi individu, masyarakat serta negara.

Harta yang mampu menjadi sumber pemangkin kepada ekonomi negara akan terbiar begitu sahaja sekiranya tiada ahli waris yang menuntutnya. Hakikatnya, tanah tersebut mampu membawa banyak kebaikan dan manfaat kepada pelbagai pihak sekiranya dibangunkan manakala harta yang ditinggalkan dapat menjana ekonomi ahli waris.

4.6.3. Sosial: Tanggapan Negatif dari Pihak Lain

Selain itu, kewujudan pemandangan tanah-tanah yang tidak dapat dimajukan akibat pengabaian pewarisan harta di kalangan orang Melayu sering kali menimbulkan tanggapan negatif masyarakat daripada bangsa lain. Bangsa Melayu dilihat kurang mempunyai keupayaan sendiri untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini, walaupun penyebab utama kegagalan mengusahakan tanah-tanah tersebut adalah kerana hak milik tanah-tanah tersebut masih lagi didaftarkan di atas nama orang yang telah lama meninggal dunia (Muhamad Razis, 2020). Berikutan perkara ini, tiada waris yang berani dan mahu bertanggungjawab untuk memajukan tanah tersebut kerana ia masih belum diagihkan dan justeru itu perlu dikongsi bersama. Akibatnya, tanah pusaka yang boleh dijadikan modal untuk menjana kekayaan dan kesenangan kepada setiap ahli keluarga tidak dapat dimanfaatkan sebaiknya. Sebagai bukti, di tengah-tengah deretan bangunan tinggi pencakar langit di Jalan Ampang, Jalan Tun Dr. Ismail, Jalan Tunku Abdul Rahman dan Jalan Tun Razak, masih wujud kelompok rumah-rumah papan setingkat berciri binaan Melayu, usang dan tidak terpelihara serta terbiar sepi begitu sahaja kesan daripada permasalahan yang timbul.

Lebih mendukacitakan lagi bilamana hartanah milik masyarakat Melayu yang sebahagian daripadanya mencecah nilai jutaan ringgit tidak dirasakan mempunyai apa-apa keistimewaan dan faedah kepada pewaris. Tabiat 'tidak mengapa' dan suka bertangguh yang masih belum terhakis dalam masyarakat Melayu telah mengakibatkan tanah pusaka terus dibazirkan tanpa sebarang hasil walaupun tanah-tanah tersebut sebenarnya berkeupayaan menghasilkan pendapatan dan kekayaan yang berpanjangan. Sehubungan itu, urusan pembahagian harta pusaka sepatutnya diselesaikan segera bagi mencapai matlamat pembangunan untuk kesejahteraan dan keuntungan keluarga yang ditinggalkan si mati. Alangkah baiknya sekiranya para waris yang masih mempunyai harta pusaka beku bertindak untuk mencairkan harta tersebut dalam tempoh pasca Covid-19. Hal ini dapat membantu meringankan beban ahli waris yang terkesan dengan Covid-19 tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan. Jika harta beku yang dianggarkan bernilai RM 70 bilion mengikut data pada tahun 2020 dapat dicairkan, ianya akan memberi sumbangan yang amat besar seterusnya menangkis tanggapan negatif terhadap bangsa Melayu (Rusnadewi & Nur Inayah, 2010).

Oleh itu, ahli waris perlu menyegerakan permohonan tuntutan harta pusaka bagi mengelakkan persepsi negatif daripada sesetengah pihak berleluasa di kemudian hari di samping menerangkan punca sebenar kelewatan dan kegagalan untuk mengusahakan tanah terbiar ini. Ianya boleh jadi adalah berpunca daripada prosedur yang rumit dan masih sedang diproses ataupun hak milik tanah yang masih belum bertukar daripada nama pemilik yang lama iaitu si mati. Di sini, persepsi dan tanggapan negatif daripada pihak lain sedikit sebanyak dapat dikurangkan dan mereka secara tidak langsung mampu memahami masalah yang berlaku terutamanya dalam proses permohonan tuntutan harta pusaka tersebut. Menurut [Mohd Mokhtarishah dan Hasmadi \(2021\)](#), persepsi negatif yang mencetuskan perselisihan faham banyak bergantung kepada pendapat dan maklumat palsu. Persepsi negatif tanpa diselidik terlebih dahulu tidak seharusnya menjadi budaya dan dianggap sebagai salah satu cabang seni dalam penulisan dan lukisan. Budaya menyebarkan berita palsu dan fitnah bukan sahaja berdosa malah ianya boleh memecahbelahkan masyarakat, menimbulkan suasana huru-hara dalam negara dan menggugat keamanan dan keselamatan negara.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, perlu kita tahu bahawa agensi yang terlibat dalam mengurus tadbir harta pusaka di Malaysia adalah Seksyen Pembahagian Pusaka, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Tinggi Sivil. Setiap agensi ini berbeza bidang kuasa bergantung kepada jenis harta pusaka dan nilai harta peninggalan si mati malah peruntukan undang-undangnya turut berbeza. Jadi, sebagai seorang ahli waris amatlah penting untuk kita memahami konsep pentadbiran pusaka di Malaysia dan prosedurnya sebagai persediaan awal sekiranya berlaku kematian di kalangan ahli keluarga terdekat. Ianya dapat memudahkan proses harta pusaka dituntut di agensi yang terlibat di samping mengelakkan harta pusaka daripada menjadi beku. Hal ini kerana harta pusaka yang tidak dituntut atau harta beku membawa implikasi negatif terhadap perundangan, kekeluargaan mahupun ekonomi negara dan masyarakat. Oleh itu, perkara ini dapat dielakkan dengan melakukan tuntutan harta pusaka untuk mengelakkan kerugian di kemudian hari dan supaya dapat memanfaatkan harta tersebut ke arah jalan yang baik.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak melibatkan geran penyelidikan, maka tidak menerima sebarang tajaan/kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dengan mana-mana pihak

Rujukan

- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) & Peraturan-Peraturan. (2015). Petaling Jaya: Penerbit Lembaga Penyelidikan Undang-Undang.
- Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532). (2010). Penerbit Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.

- Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) & Peraturan-Peraturan. (2017). Petaling Jaya: Penerbit Lembaga Penyelidikan Undang-Undang.
- Ahmad Sunawari, L. (2014). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ekhwan Haque, F.H. (2020, Januari 12). Harta RM 70 bilion Tergantung. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/534382/harta-rm70-bilion-tergantung>.
- Fazira, S. Wan Zahari, W. Y. & Al-Edrus, S.M.D. (2014). Pengurusan harta tanah di Malaysia menurut perspektif Islam : Isu dan cabaran bagi pewarisan harta dalam konteks pembangunan modal insan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014*. Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April. DOI: 10.13140/2.1.4128.7366.
- Geran Probet. (2020). Property Guru.com. Retrieved from <https://www.propertyguru.com.my/property-guides/apakah-geran-probet-dan-surat-kuasa-mentadbir-harta-38221>
- Mohamad Ali Roshidi, A. (2020). Masa Sesuai Cairkan Harta Pusaka Beku. *Tinta Minda*. <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1880762>
- Mohd Arafat, J. (2017). *Harta yang Tidak Dituntut dalam Islam dan Undang-Undang di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Mokhtarishah, M. M. Hasmadi, H. H. (2021). Pengaruh Faktor Persepsi Negatif dan Budaya Tular terhadap Buli Siber di Media Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Golongan Muda. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 11(1), 16-36.
- Mohd Zamro, M. (2016). *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia: Kajian di Seksyen Pembahagian Pusaka dan Amanah Raya Berhad*. Tesis Dr Fal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Amrullah, D. N., Wan Noraini, M. S., Muhamad Helmi, M.S. & Siti Nuramani, A. M. (2017). Administration of Estates in Malaysia: Jurisdiction and Misconception. *UUM Journal of Legal Studies*, 8, 183-196.
- Muhammad Amrullah, D. N., Wan Noraini, M. S. (2018). Administration of Estates in Malaysia: Determinant of Factors Behind the Delay in The Distribution of The Deceased's Asset. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 75-86.
- Muhammad Hazim, A., Muhammad Anwar, Z., Nur Khairina, O., Noraishah, N. (2018). Peranan Amanah Raya Berhad (ARB) dalam Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia. Slaid. Pembentangan Undang-Undang Pentadbiran Harta Islam di Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai, Negeri Sembilan, Disember 2018.
- Muhamad Razis, I. (2020). Sebidang Tanah Banyak Nama. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/PnP/2020/10/626440/sebidang-tanah-banyak-nama>
- Nik Rahim, N.W. Muallimin, M. S, Azman, A. R. Lukman, A. M. Nik Salida Suhaila, N. S. Mohd Hazmi, M. R. Mahmoud, M. A. Muneer Ali, A. R. Setiyawan, G. Mariam Saidona, T. Mihammad Aunurrochim, M. S. Lukmanul Hakim, H. H. & Atiq Syamimi, A. (2018). Harta Tidak Dituntut: Punca dan Kaedah Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7, 129- 142.
- Othman, L. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, ed. ke-3 rev. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Resali, M. (2016). Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1985-7454.
- Rusnadewi, A. R. & Noor Inayah, Y. (2010). Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5 (2). <https://jurnalintelek.uitm.edu.my/index.php/main>.
- Sabitha, M. (2006). *Kaedah Penyelidikan Reka Bentuk Kajian Kes*. Slaid. Perak. Lretramqw.
- Siti Shamsiah, M. S. (2020). *Pengurusan Harta Keluarga Islam: Satu Pengenalan. Kertas Kerja Kursus Asas Pengurusan Harta Siri 2021*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur. 8-9 September.
- Sukriah, I. (2006). *Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Amanah Raya Berhad: Kajian Kes Antara Tahun 2000 hingga 2005*. Tesis, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Suraya, W. H., Wan Shahzinda, S. S. & Ummi Munirah Syuhada, M. Z. (2016). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku di Malaysia*. Proceeding on the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016, hlm. 311-315.